
Nasihat orang luar ada muslihat: Dr Mahathir

BELAGA (Sarawak), Isnin - Orang asing tidak perlu lagi mencampuri urusan dalam negara ini, terutama yang membatiskan nasib masa depan rakyat pribumi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri menegaskan, rakyat negara ini berhak menentukan nasib mereka tanpa perlu nasihat orang asing walaupun mereka mendakwa kononnya memperjuangkan alam sekitar seperti Bruno Manser.

"Mereka ini mahu supaya orang kita terus tinggal dalam hutan, guna sumpit memburu

binatang untuk dimakan dan hidup cara lama seperti zaman dahulu. Orang seperti Manser (Bruno) kononnya simpati dengan suku Penan di sini. "Sebenarnya, nenek moyang Manser dulu tinggal dalam gua di Switzerland tetapi kini jadi bangsa termaju di dunia. Apakah Manser mahu kembali tinggal di gua," katanya berucap di upacara memecah tanah bagi projek Hidro Elektrik Bakun dan pembukaan rasmi Bakun Resort di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah, Ketua Menteri Tan Sri Ab-

dul Taib Mahmud dan isteri, Pengerusi Eksekutif Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing dan menteri-menteri Kabinet negeri serta pemimpin masyarakat tempatan.

Dr Mahathir berkata, orang asing yang mendakwa kononnya memperjuangkan nasib pribumi di negara ini sebenarnya tidak jujur dan hanya mahu menimbui masalah supaya Malaysia tidak akan maju.

"Kita tidak perlu mengikut kehendak mereka. Kita mempunyai program pembangunan sendiri untuk rakyat dan projek Bakun adalah satu

daripadanya yang penting kepada negara.

"Kerajaan akan menjaga keadaan alam sekitar serta flora dan fauna dalam pelaksanaan projek Bakun. Banyak keuntungan daripada kerugian melalui projek ini," katanya.

Perdana Menteri mengakui satu ketika dahulu beliau melarang pembinaan projek Bakun kerana menerima maklumat tidak tepat kononnya kawasan seluas 700,000 hektar akan ditenggelami untuk dijadikan empangan, pada hal cuma sedikit iaitu lebih 70,000 hektar terbabit.